



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP



BERITA

24 JAM

KPDN

KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

Untuk makluman:

- | | |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PPP) |
| ● YBhg. KSU | ● Setiausaha Akhbar |

Tarikh: 15 Januari 2026



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

KPDN

Pertingkat kawalan susulan kes bom di Thai

ALOR SETAR – Kementrian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Kedah mempertingkatkan kawalan di sempadan Malaysia-Thailand bagi mengelak penyeludupan petrol dan diesel susulan serangan bom di 11 stesen minyak di Thailand, baru-baru ini.

Letupan bom yang berlaku secara serentak itu berlaku di tiga Wilayah Selatan Thailand iaitu Yala, Pattani dan Narathiwat kira-kira pukul 1.04 pagi pada Ahad lalu.

Pengarah KPDN negeri, Muhammad Nizam Jamaludin berkata, penguatkuasaan juga akan dilakukan di semua stesen minyak berhampiran sempadan bagi memastikan tidak berlaku ketirisan.

"Kita akan tingkatan kawalan dan penguatkuasaan bagi mengelak ketirisan (bahan api) dan seperti yang dilakukan pada tahun-tahun lalu, tahun ini juga kita akan mempertingkatkan kawalan di sempadan dan stesen-stesen minyak," katanya selepas Majlis Apresiasi Media dan Pengguna di sini kelmarin.

Pada 12 Januari lalu, *Kosmo!* melaporkan, kejadian letupan bom tersebut melibatkan lima stesen minyak PPT di Narathiwat, empat buah di Yala dan dua lagi stesen minyak di Pattani melibatkan lebih 50 anggota kumpulan pemberontak yang lengkap bersenjata api.

Laporan awal mengatakan se-



orang anggota polis cedera, namun tiada kematian dilaporkan.

Beliau pada masa sama mengalu-alukan dan menghargai aduan orang awam berhubung pengisian minyak RON95 oleh kenderaan asing.

"Kita mengucapkan terima kasih kepada penduduk tempatan yang mempunyai kesedaran tinggi apabila mengesan kenderaan bernombor pendaftaran asing yang mengisi minyak (RON95) di stesen minyak kita.

"Jadi, susulan aduan tersebut, kita dapat bertindak dengan pantas dan siasatan mendapati kejadian itu benar berlaku dan kita sudah kenakan tindakan terhadap stesen minyak berkenaan," ujarnya.

Pada 10 Januari lalu, *Kosmo!* melaporkan, sebuah kereta bernombor pendaftaran asing dikesan membuat pengisian petrol RON95 di sebuah stesen minyak di Sungai Petani, dekat sini.

Rakaman video tular menunjukkan seorang pekerja stesen minyak sedang mengisi bahan api ke dalam tangki kereta dipandu seorang lelaki warga emas.

Gagal seleweng 100,013 liter diesel

BUKIT KAYU HITAM – Kegiatan sebuah premis di mukim Sungai Laka, dekat sini menyeleweng diesel disyaki untuk diselldup ke Thailand tumpas apabila diserbu Pasukan Polis Marin (PPM) Wilayah Satu Kuala Kedah, kelmarin.

Dalam serbuan Op Taring Landai kira-kira pukul 7.30 pagi itu, seramai empat lelaki terdiri daripada seorang warga tempatan dan tiga warga Thailand dicekup.


Pemangku Komander PPM Wilayah 1, Superintendan Fakharuddin Amri Sanusi berkata, serbuan dilakukan oleh Unit Risikan Marin PPM Wilayah Satu Kuala Kedah dengan kerjasama Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam Ibu Pejabat Polis Kontinjen Kedah.

"Hasil maklumat risikan dan serbuan yang dijalankan, pasukan operasi mengesan aktiviti pemindahan diesel secara tidak sah daripada beberapa tangki skid ke dalam lori treler bernombor pendaftaran Thailand.

"Dalam operasi ini, seramai empat lelaki ditahan terdiri daripada tiga warga Thailand dan seorang warga tempatan berumur 26 hingga 60 tahun bagi membantu siasatan," katanya di sini semalam.

Kata beliau, pemeriksaan lanjut mendapati kesemua individu terbabit gagal mengemukakan sebarang dokumen atau kebenaran sah berkaitan pemilikan dan pemindahan diesel.

"Antara yang dirampas dalam operasi itu ialah tiga treler, sembilan tangki skid yang



AKTIVITI memindahkan diesel ke treler bernombor pendaftaran Thailand di Mukim Sungai Laka, dekat Bukit Kayu Hitam kelmarin.

mengandungi anggaran 100,013 liter diesel serta tiga unit mesin pam minyak bermeter dengan jumlah keseluruhan nilai rampasan dianggarkan RM1.094 juta," ujarnya.

Nilai rampasan diesel dalam operasi tersebut dianggarkan RM335,043.55.

Tambahnya, kes disiasat di bawah Seksyen 22 Akta Kawalan Bekalan 1961 dan kesemua tangkapan serta barang rampasan telah diserahkan kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup Kubang Pasu untuk siasatan dan tindakan lanjut.

Padah tipu beli petrol RON95

- Pemegang PR Singapura didenda RM9,000
- 'Ubah suai' plat ketika isi minyak bersubsidi

Oleh MOHD. SHARKAWI LONDING

KULAI – Seorang pemegang Penduduk Tetap (PR) Singapura didenda RM9,000 oleh Mahkamah Majistret di sini semalam, atas kesalahan mempamerkan nombor pendaftaran kenderaan Singapura yang diubah suai dengan menggunakan 'salotape' untuk mengisi petrol RON95 di sebuah stesen minyak awal tahun ini.

Majistret R. Salini membuat keputusan itu selepas Long Sa Kow, 64, selaku orang kena saman (OKS) mengaku bersalah atas pertuduhan tersebut.

Sa Kow didakwa sebagai pemandu Volkswagen Jetta mempamerkan nombor pendaftaran yang bukan milik kenderaan itu di sebuah stesen minyak di Lot



SA KOW mengaku salah kerana mempamerkan nomnor plat kenderaan Singapura untuk mengisi petrol RON95.

7320, Batu 21/4, Jalan Johor Bahru-Air Hitam di sini pada pukul 10.30 malam, 2 Januari lalu.

Timbalan Pendakwa Raya, S. Thiviya mengemukakan pertuduhan mengikut Seksyen 108(3)(e) Akta Pengangkutan Jalan 1987. Sabit kesalahan, OKS boleh didenda sehingga RM20,000 atau penjara maksimum lima tahun atau kedua-duanya.

Peguam Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan, Sharmaine Fairuz Mohd Zulkifli merayu hukuman ringan dengan alasan OKS sudah bersara dan tiada pendapatan tetap selain menanggung isteri serta dua anak yang masih belajar.

Thiviya pula berhujah, mengubah nombor plat untuk mengisi RON95 yang diberikan untuk

Lelaki Singapura isi RON95 guna kereta tutup nombor pendaftaran



JORON BAKIR – Kementerian Pengangkutan Pulau Negeri dan Kluang telah menerima laporan dari pihak berkuasa tempatan bahawa seorang lelaki Singapura telah menggunakan nombor pendaftaran kenderaan Singapura yang diubah suai untuk mengisi petrol bersubsidi di sebuah stesen minyak di sini. Pihak berkuasa tempatan telah mengambil tindakan undang-undang terhadap lelaki itu kerana melanggar peraturan kerajaan. Lelaki itu telah ditangkap dan dibawa ke Mahkamah Majistret di sini untuk diadakan. Beliau mengaku bersalah atas kesalahan tersebut. Mahkamah Majistret telah menjatuhkan hukuman denda RM9,000 atau penjara sembilan bulan jika gagal bayar. OKS bayar denda tersebut.

rakyat Malaysia adalah satu kesalahan. Oleh itu hukuman yang berat perlu dilaksanakan demi menjaga kepentingan awam dan memberi pengajaran agar tidak mengulangi kesalahan sama.

Majistret menjatuhkan hukuman denda RM9,000 atau penjara sembilan bulan jika gagal bayar. OKS bayar denda tersebut.

Mengikut fakta kes, pada 4 Januari lalu, Bahagian Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik Daerah Kulai mengesan video di Facebook memaparkan Volkswagen Jetta bernombor pendaftaran LJ 8967 mengisi petrol RON95 di sebuah stesen minyak.

Difahamkan, siasatan mendapati, OKS sebagai pemandu kereta

sepatutnya bernombor pendaftaran SLJ 8967 M menutup huruf S dan M bagi mengisi minyak subsidi RON95. Pemeriksaan pada nombor enjin dan casis mendapati kereta itu bernombor plat SLJ 8967 M, bukannya LJ 8967.

Sementara itu, Pengarah KPDN Johor, Lilis Saslinda Pornomo berkata, pihaknya mengambil keterangan OKS untuk melengkapkan siasatan berkaitan pelanggaran Subperaturan 12A Peraturan-peraturan Kawalan Bekalan 1974 di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 terhadap pengusaha stesen minyak terbabit.

"Keterangan itu penting untuk lengkakkan siasatan," katanya.

KERATAN KOSMO! 4 Januari 2026.



Subsidised cooking oil suspected of being diverted for foreign market

SANDAKAN: The marine police here uncovered an alleged smuggling ring diverting subsidized cooking oil for the foreign market during an integrated inter-agency operation on Jan 9.

Acting on intelligence, the team from "Op Taring Landai Khas Kontraban" raided a warehouse at Batu ½ at about 12.35 pm. Authorities discovered an illegal repackaging operation in progress, where subsidised cooking oil was being transferred for export without a valid permit.

The operation involved a box lorry and two tanker

lorries at the scene. A Pakistani man present during the raid was detained for failing to produce authorisation documents from the Ministry of Domestic Trade and Cost of Living.

The seizure included 926 boxes of cooking oil, two tanker lorries, and one lorry. The total estimated value of the confiscated items is RM 1,576,402.

The case is being investigated under the Control of Supplies Act 1961.

Acting State Marine Police Commander, Superintendent Jaffri Bidin, confirmed the details of the operation.
— **James Leong**



The two tanker lorries confiscated during the integrated inter-agency operation in Sandakan on Jan 9.



DIRAMPAS Dua lori tangki yang dirampas dalam operasi bersepadu antara agensi di Sandakan pada 9 Januari.

Minyak masak bersubsidi disyaki diseleweng ke pasaran luar negara

SANDAKAN: Pasukan Polis Marin (PPM) berjaya membongkar sindiket penyeludupan minyak masak bersubsidi yang dipercayai diseleweng untuk pasaran luar negara dalam satu operasi bersepadu antara agensi pada 9 Januari lalu.

Bertindak atas risikan, pasukan Op Taring Landai Khas Kontraban menyerbu sebuah gudang di Batu ½ kira-kira jam 12.35 tengah hari dan menemui kegiatan pembungkusan semula secara haram sedang dijalankan, dipercayai bagi tujuan eksport tanpa permit sah.

Dalam serbuan itu, pihak berkuasa mengesan penglibatan sebuah lori kotak dan dua lori tangki yang digunakan dalam operasi penyelewengan berkenaan.

Seorang lelaki warga Pakistan yang berada di lokasi turut ditahan kerana gagal mengemukakan dokumen kebenaran daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN).

Rampasan melibatkan 926 kotak minyak masak bersubsidi, dua lori tangki dan sebuah lori, dengan nilai keseluruhan dianggarkan RM1,576,402—satu angka yang mencerminkan skala operasi dan impaknya terhadap rantaian bekalan rakyat.

Kes disiasat di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961, dan tindakan tegas akan diambil bagi memastikan integriti subsidi kekal terpelihara serta kebajikan pengguna domestik tidak terjejas.

Pemangku Komander Pasukan Polis Marin Sabah, Superintendan Jaffri Bidin, mengesahkan butiran operasi tersebut dan menegaskan komitmen berterusan PPM bersama agensi berkaitan untuk membanteras ketirisan subsidi—menjaga amanah lama, sambil melangkah ke hadapan dengan penguatkuasaan yang lebih pintar dan bersepadu.—Oleh JAMES LEONG

内贸部：不论司机国籍 外国注册车禁添 RON95

(吉隆坡 14 日讯) 国内贸易及生活成本部执法总监拿督斯里阿兹曼阿当指出，驾驶外国注册车辆的马来西亚人不得购买 RON95 汽油，因为燃油补贴依据车辆注册而定，并非依据驾驶者的国籍。

据《新海峡时报》报道，他说，这项限制源自马来西亚长期实行的燃油补贴管控框架，旨在防止补贴外流，特别是在边境州属，因价格差异而更容易滋生走私和套利活动。

“自 2022 年 6 月 17 日起，禁止向包括摩托车在内的所有外国注册车辆出售 RON95 汽油于 2022 年 6 月 17 日生效，这项禁



阿兹曼阿当

令依然生效。这项政策确保燃油供应优先保障大马驾驶者，并有助防止滥用或虚报行为，以免影响配额或导致补贴外流。”

阿兹曼补充，这项限制也应对油站在营运上的挑战，因为在油站核实驾驶者身分并不容易，特别是在使用第三方应用程序的情况下。

“即使 RON95 价格现已自由浮动，这项禁令仍持续进行，以防止补贴被转移，并确保大马人有充足的供应。”

油站业者指出，若允许驾驶外国注册车辆的大马人添加 RON95，就必须进行实时身分核实，这在营运上并不可行，成本高且容易被滥用，特别是在车流量高的油站。

据了解，若改以驾驶者身分而非车辆注册作为依据，允许大马人添加 RON95，将形成一个极易被集团利用的漏洞。

例如，不法集团可使

用外国注册车辆抽取受补贴燃油，用于转售或进行跨境走私。

因此，所有外国注册车辆，不论由马来西亚人或外国人驾驶，只允许以市价购买未受补贴的燃油，如 RON97 或柴油。

这项政策确保执法一致性，避免在油站引发争议并减轻业者负担，因为业者并无权限核实公民身分文件。

政府强调，针对外国注册车辆的措施并非歧视，而是为保护公共资金所必需的保障，因为燃油补贴每年耗费数十亿令吉。

大马仍是区域内少数维持广泛燃油补贴的国家之一，政府警告，若缺乏严格管控，补贴外流将严重削弱国家的财政永续性。

內貿部：大馬人駕外國註冊車 不可添購津貼RON95

（吉隆坡14日讯）既便是大马公民，但若是驾驶外国注册的车辆，一样不可以添购获政府补贴的RON95汽油。

国内贸易及生活成本部执法组主任拿督斯里阿兹曼强调，燃油补贴是依据车辆注册相关，与司机国籍无关，为此，大马人驾驶的外国注册车辆，是不可以添购RON95汽油。

他说，这项限制是马来西亚长期实施的燃油补贴管制框架的一部分，以防止补贴漏洞，尤其是在边境州，因为当地的价格差异导致走私和牟利。

“禁止出售RON95汽油给外国注册车辆，包括摩多，已于2022年6月17日生效，禁令目前仍然有效。”

■阿兹曼：RON95燃油补贴是依据车辆注册提供，而非司机国籍。

《新海峡时报》引述阿兹曼的谈话报导，该限制措施旨在解决油站的操作难题，因为在油站核实司机身份可能很困难，尤其是在使用第三方应用程式的情况下。

“即使RON95汽油价格现在已经浮动，但禁令仍然有效，以防止汽油流入非法管道，并确保大马人获得充足供应。”

一辆泰国注册车在吉打双溪大年一间油站被民众当场发现添购RON95汽油，在被公众质疑时，男子称是“媳妇的车”，并称孩子也是本地人。（LPP）



遮獅城車牌添津貼油

內貿部：非依據國籍
駕外國車禁添RON95

（吉隆坡14日讯）国内贸易及生活费部指出，RON95汽油补贴是以车辆注册为依据，而非驾驶者的国籍，这意味着驾驶外国注册车辆的马来西亚人，也不得购买RON95汽油。

内贸部执法总监拿督斯里阿兹曼接受《新海峡时报》访问时说，这项限制属于我国长期实施的燃油补贴管控框架之一，旨在防止补贴外流，特别是在边境州属，燃油的价差容易出现走私与套利活动。

2022年6月起生效

“禁止向所有外国注册车辆（包括摩托车）出售RON95的措施，从2022年6月17日起就开始生效，至今仍然有效。”

他说，这项政策可确保燃油供应优先提供给本地车主，并防止任何可能影响配额或导致补贴外流的滥用或虚报行为。

阿兹曼补充，该限制也有助于解决油站在营运层面面临的挑战，因为在实务操作上，特别是透过第三方應用程式时，要核实驾驶者身分并不容易。

油站人员无权查公民身分

“即使目前RON95价格已逐步市场化，这项禁令仍会持续执行，以防止补贴被转移用途，并确保国人有充足的燃油供应。”

另一方面，油站业者指出，若允许驾驶外国注册车辆的马来西亚人加注RON95，将需要即时核实身分，这在操作上并不实际，成本高昂，且容易被滥用，特别是在高流量油站。

据了解，若改以驾驶者身分、而非车辆注册作为依据，将形成容易被犯罪集团钻漏洞的情况，例如，不法集团可利用外国注册车辆抽取补贴燃油，再转售牟利或进行跨境走私。

鉴于此，所有外国注册车辆，无论由马来西亚人或外籍人士驾驶，仅可购买未受补贴的燃油，如RON97或柴油，并以市价交易。

当局表示，这项政策可确保执法一致性，避免油站现场出现争议，同时减轻业者负担，因为油站人员并无权限核实公民身分文件。

柔内贸局：调查月内完成提呈

另一方面，柔佛州国内贸易及生活费局局长丽丽丝莎斯琳达透露，遮掩新加坡车牌添津贴油的大马籍司机已向该局供证，该局预计在本月内完成调查报告，并提呈给柔州检察署。

涉案的大马籍司机龙砂考（译音）也是新加坡永久居民，丽丽丝莎斯琳达今日向《阳光日报》证实，该局已于今日向他录取口供。

她指出，该司机的供证有助于整个事件的调查更臻完整，而该局也已向投诉人，即当时在油站拍摄视频者和油站业者录供，以协助案件调查。

她承诺，该局将加速调查，希望可在本月内将调查报告呈予柔州检察署，以定夺是否采取进一步的法律行动。

她表示，违规的油站业者将在1974年供应控制条例下受到对付。若罪成，公司可被判罚款高达200万令吉，重犯可被判罚款最高500万令吉；至于违规的个人，可被判罚款最高100万令吉，或监禁最高3年，或两者兼施。

囤津貼物資 6嫌落網 貨倉藏值140萬私貨

（本报古晋14日讯）砂拉越水警和森林机构联手行动，突击石隆门1间货仓，逮捕5男1女本地人，起获价值140万令吉津贴物资。

水警第五区指挥官阿卜杜勒·拉赫曼·马特·哈桑助理警监在文稿中如是披露。此次突击行动於本月12日凌晨3点左右在一处疑似仓库的场所

展开。

他表示，此次行动是根据情报信息展开。

未能出示相關證件

“行动小组查获了1406捆藤条、约13450升柴油、1200多包原糖、6150包食用油以及6157块各种类型和

尺寸的拉姆木，这些物品涉嫌缺少有效证件。”

据他称，所有嫌疑人都未能出示与货物所有权相关的许可证、执照或授权书。

此案正根据1961年《供应管制法》、1998年《野生动物保护条例》和2015年《砂拉越森林条例》进行调查。

目前，所有嫌疑人和查获的物品均已移交给砂拉越森林机构（SFC）和国内贸易及生活成本部（KPDN）古晋分部进行调查。



行动中起获数货柜来路不明的藤条。

ஒரு கிலோ பாக்கெட் சமையல் எண்ணெய்

4 ரிங்கிட்டிற்கு விற்பனை

லாபம் சுருட்டிய கும்பல் கைது



செபெராங் பிறை, ஜன. 15-
ஜாலான் பெக்கான் டாராட், செபெராங்
பிறையில் ஒரு சட்டவிரோதக் கிடங்கில்
அதிகாரிகள் நடத்திய ஒரு சோதனையில்
உதவித்தொகைக்குரிய சமையல் எண்ணெய்
முறைகேடு அம்பலத்திற்கு வந்திருக்கிறது
என மாநில உள்நாட்டு வர்த்தக வாழ்க்கைச்
செலவினத்துறை இயக்குநர் எஸ்.ஜெகன்
தெரிவித்தார்.
இந்த கும்பலைச் சேர்ந்தவர்கள் ஒரு கிலோ
உதவித்தொகைக்குரிய பாக்கெட் சமையல்
எண்ணெய்யை வாங்கி பின்னர் அந்தப்
பாக்கெட்டுகளை வெட்டிய பிறகு சமையல்
எண்ணெய்யை ஒரு டாங்கியில்
நிரப்புகின்றனர். அதன்பின்னர் 17 கிலோ
போத்தல்களில் இதே சமையல்
எண்ணெய்யை அடைத்து பிணாங்கு
சுற்றுப்பகுதியில் உள்ள உணவகங்களுக்கு
விற்பனை செய்து தெரிய வந்தது என ஜெகன்
குறிப்பிட்டார்.
கிடங்குபோல் இருந்த ஒரு வீட்டை
அதிகாரிகள் சோதனை செய்தனர். அங்கு
மின் விநியோகம் இல்லை. அந்த இடத்தில்
பலவிதமான உபகரணங்கள் இருந்தது
தெரிய வந்தது. குழாய்களுடன் எண்ணெய்

உறிஞ்சும் இயந்திரம், கத்திகள்,
வெட்டப்பட்ட ஒரு கிலோ சமையல்
பாக்கெட்டுகளின் பிளாஸ்டிக்
பொட்டலங்கள் ஆகியவை அங்கு நிறையக்
கிடந்தன.

இவர்கள் 2 வாரத்திற்கு ஒரு முறை மொத்த
வியாபாரிகளிடம் இருந்தும் சில்லறை
வியாபாரிகளிடம் இருந்தும்
உதவித்தொகைக்குரிய சமையல்
எண்ணெய்யை வாங்கியிருக்கின்றனர். 1
கிலோ சமையல் எண்ணெய்யை இவர்கள்
பின்னர் 4 ரிங்கிட்டிற்கு விற்பனை
இதன்மூலம் ஒவ்வொரு கிலோ சமையல்
எண்ணெய்க்கும் ஏறத்தாழ 1 ரிங்கிட் 50
காசு லாபம் சம்பாதித்திருக்கின்றனர்
என்றும் அவர் தெரிவித்தார். இதற்கிடையே
சங்கை பாக்காப், பட்டர்வொர்த் ஆகிய
பகுதிகளில் இரண்டு கிடங்குகளில்
சோதனை நடத்தப்பட்டது.

அங்கு 26,000 ரிங்கிட் மதிப்புடைய
சமையல் எண்ணெய் பறிமுதல்
செய்யப்பட்டது. 30 முதல் 40
வயதுடைய மூவர் கைது செய்யப்பட்டனர்.
இவர்களிடம் புலன் விசாரணை
நடத்தப்படுகிறது.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR **AGENSI**



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Dua syarikat terlibat kartel tipu bida tender lebuhraya

PETALING JAYA: Dua syarikat kontraktor disyaki terlibat dalam kartel penipuan bida tender Pembinaan Lebuhraya Lingkaran Tengah Utama (CSR) yang dikeluarkan Jabatan Kerja Raya (JKR) membabitkan nilai perolehan RM285 juta.

Pengerusi Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC), Tan Sri Idrus Harun berkata, susulan itu pihaknya telah mengeluarkan Keputusan Cadangan terhadap dua syarikat tersebut atas penglibatan mereka dalam kartel tipu bida.

Katanya, kedua-dua syarikat didapati secara berperingkat melanggar Seksyen 4 Akta Persaingan 2010.

"Melalui penyiasatan MyCC, perusahaan-perusahaan tersebut didapati telah bersetuju untuk terlibat dalam perkongsian maklumat yang diselaraskan dan pakatan dalam penyediaan serta penyerahan bidaan mereka.

"MyCC mendapati bahawa perjanjian sedemikian mempunyai objektif untuk menghalang, menyekat atau mengekang persaingan secara ketara berhubung dengan perolehan awam berkaitan tender CSR," katanya dalam kenyataan semalam.

Beliau berkata, keputusan cadangan tersebut merupakan dapatan awal dan ia tidak boleh dianggap bahawa syarikat terbabit melanggar Akta 712 secara konklusif.



IDRUS HARUN

"Perusahaan-perusahaan ini juga telah dimaklumkan mengenai penalti kewangan yang dicadangkan. Mereka diberi peluang untuk mengemukakan representasi bertulis dalam tempoh 30 hari selepas menerima Keputusan Cadangan serta membentangkan representasi lisan di hadapan suruhanjaya pada tarikh yang akan ditentukan kemudian.

"MyCC hanya akan mengeluarkan Keputusan Akhir selepas mempertimbangkan representasi yang dibuat oleh perusahaan-perusahaan ini bersama-sama dengan bukti yang diperolehi semasa penyiasatan," katanya.

Kuala Lumpur: Dua syarikat didapati terbabit dalam kartel penipuan bida bagi Tender Pembinaan Lebuhraya Lingkaran Tengah Utama (Tender CSR) membabitkan nilai perolehan sebanyak RM285 juta yang dikeluarkan Jabatan Kerja Raya (JKR).

Pengerusi Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC), Tan Sri Idrus Harun berkata, dua syarikat itu didapati secara berpe-

BOLOT TENDER RM285J LEBUHRAYA LINGKARAN TENGAH UTAMA

Dua syarikat diberi peluang kemuka representasi

ringkat melanggar Seksyen 4 Akta Persaingan 2010 (Akta 712).

"Melalui penyasatan MyCC, syarikat itu didapati bersetuju untuk terbabit dalam perkongsian maklumat yang diselarasakan dan pakatan dalam penyediaan serta pe-

nyerahan bidaan mereka.

"MyCC mendapati bahawa perjanjian sedemikian mempunyai objektif untuk menghalang, menyekat atau mengekang persaingan secara ketara berhubung dengan perolehan awam berkaitan tender

CSR," katanya dalam kenyataan, semalam.

Beliau berkata, adalah penting untuk ditekan bahawa pada peringkat ini, keputusan cadangan itu adalah dapatan awal dan ia tidak boleh dianggap bahawa syarikat berkenaan sudah melang-

gar Akta 712 secara konklusif.

"Mereka juga sudah dimaklumkan mengenai penalti kewangan yang dicadangkan. Mereka diberi peluang untuk mengemukakan representasi bertulis dalam tempoh 30 hari selepas menerima keputu-

san cadangan serta membentangkan representasi lisan di hadapan suruhanjaya ini pada tarikh yang akan ditentukan kemudian.

Katanya, MyCC hanya akan mengeluarkan keputusan cadangan selepas mempertimbangkan representasi yang dibuat oleh syarikat itu bersama-dengan bukti diperolehi semasa penyasatan.

Kartel tipu bida tender CSR RM285 juta

- 2 syarikat berpakat serah bidaan
- Halang, sekat persaingan berhubung perolehan awam

Oleh MUHAMMAD NAJIB AHMAD FUAD

PETALING JAYA – Dua syarikat didapati terlibat dalam kartel penipuan bida bagi Tender Pembinaan Lebuhraya Raya Lingkaran Tengah Utama (CSR) bernilai RM285 juta yang dikeluarkan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR).

Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) dalam kenyataan memaklumkan, pihaknya telah mengeluarkan Keputusan Cadangan terhadap kedua-dua perusahaan berkenaan hasil siasatan yang dijalankan.

Menurut MyCC, siasatan mendapati syarikat terbabit disyaki

“

MyCC mendapati bahawa perjanjian sedemikian mempunyai objektif untuk menghalang, menyekat atau mengekang persaingan secara ketara berhubung dengan perolehan awam berkaitan Tender CSR.”

melanggar Seksyen 4 Akta Persaingan 2010 [Akta 712] melalui penglibatan dalam perjanjian dan pakatan berkaitan penyediaan serta penyerahan bidaan tender tersebut.

“Perusahaan-perusahaan tersebut didapati telah bersetuju untuk terlibat dalam



HASIL siasatan MyCC mendapati dua syarikat dipercayai terlibat dalam penipuan bida tender Lebuhraya Raya CSR.
— GAMBAR HIASAN

perkongsian maklumat yang diselaraskan dan pakatan dalam penyediaan serta penyerahan bidaan mereka.

“MyCC mendapati bahawa perjanjian sedemikian mempunyai objektif untuk menghalang,

menyekat atau mengekang persaingan secara ketara berhubung dengan perolehan awam berkaitan Tender CSR,” kata semalam.

Bagaimanapun MyCC berkata, keputusan cadangan yang dike-

luarkan ketika ini merupakan dapatan awal.

“(Keputusan cadangan ini juga) ia tidak boleh dianggap bahawa perusahaan-perusahaan ini telah melanggar Akta 712 secara konklusif,” tambahnya.

Dua syarikat berdepan tindakan atas kes kartel tender lebuhraya

KUALALUMPUR: Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) mengeluarkan Keputusan Cadangan terhadap dua syarikat kerana disyaki terlibat dalam kartel penipuan tender bagi Pembinaan Jalan Central Spine Road (CSR) yang dikeluarkan Jabatan Kerja Raya (JKR).

Pengerusi MyCC Tan Sri Idrus Harun, berkata kedua-dua syarikat itu didapati secara sementara melanggar Seksyen 4 Akta Persaingan 2010 [Akta 712] berhubung tender bernilai RM285 juta.

“Melalui penyiasatan MyCC, syarikat tersebut didapati telah bersetuju untuk terlibat dalam perkongsian maklumat yang

diselaraskan dan pakatan dalam penyediaan serta penyerahan bidaan mereka. MyCC mendapati bahawa perjanjian sedemikian mempunyai objektif untuk menghalang, menyekat atau mengekang persaingan secara ketara berhubung dengan perolehan awam berkaitan Tender CSR,” katanya dalam kenyataan semalam.

Beliau menekankan bahawa Keputusan Cadangan ini bersifat sementara dan tidak boleh dianggap sebagai penemuan muktamad bahawa syarikat berkenaan melanggar Akta 712.

Idrus berkata syarikat terbabit telah dimaklumkan mengenai cadangan penalti dan arahan

hari ini. Mereka diberi peluang mengemukakan representasi bertulis dalam tempoh 30 hari selepas menerima Keputusan Cadangan serta membentangkan representasi lisan pada tarikh akan ditetapkan kemudian.

“Keputusan muktamad MyCC hanya akan dikeluarkan selepas mempertimbangkan semua representasi syarikat berkenaan serta bukti yang diperoleh sepanjang siasatan,” katanya.

MyCC merupakan badan bebas di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) yang bertanggungjawab menguatkuasakan Akta Persaingan 2010. — Bernama

Competition watchdog hits firms over RM285m tender bid rigging

KUALA LUMPUR: The Malaysia Competition Commission (MyCC) has issued a Proposed Decision against two enterprises for their alleged involvement in a bid rigging cartel of the Central Spine Road (CSR) Construction Tender issued by the Public Works Department.

MyCC Chairman Tan Sri Idrus Harun stated that the enterprises were provisionally found to have infringed Section 4 of the Competition Act 2010 [Act 712] in relation to a procurement tender valued at RM285 million.

"Through investigations by MyCC, it was found that the enterprises agreed to engage in the coordinated information-sharing and collusion in the preparation and submission of their bids.

"MyCC finds that such agreement had the object of significantly preventing, restricting or distorting competition in relation to the public procurement relating to the CSR tender," he said in a statement.

He emphasised that at this stage, the proposed decision is provisional and should not be taken as a conclusive finding that the enterprises have infringed Act 712.

Idrus said the enterprises named in the Proposed Decision were notified of the proposed penalties and directions today.

"They are given the opportunity to submit their written representations within 30 days upon receiving the Proposed Decision as well as present their oral representations before the Commission on a date to be determined later," he added. – Bernama

涉嫌围标中枢大道工程 竞委会向2公司发建议裁决

(吉隆坡 14 日讯) 大马竞争委员会 (MyCC) 指出，两家公司在中枢大道 (CSR) 建设项目招标过程中串谋投标，已对两家涉嫌参与围标、违反 2010 年竞争法令的公司发出建议裁决 (Proposed Decision)。

衔接彭亨文冬和吉兰丹瓜拉吉赖的中枢大道全长 350 公里，预计今年全面竣工，其中，文冬至劳勿全长 45.3 公里的免路费来回各双车道；这项国家关键基础设施项目旨在改善东海岸与西海岸的连接，建筑工程招标

涉及公共工程局总值约 2 亿 8500 万令吉。

大马竞争委员会主席丹斯里依德鲁斯哈伦今日发文告指出，根据该会初步调查发现，这两家企业分阶段违反 2010 年竞争法令 (第 712 号法令) 第 4 条文，并同意在准备与提呈标书时进行协调式信息共享与合作。

他说，此类协议的目的在于显着阻碍、限制或扭曲与中枢大道招标相关的公共采购竞争，构成围标行为。

不过，他强调，目前的“建议裁决”仅属初步发

现，不应被视为最终认定有关企业已违反法令。

30 天期限呈书面陈述

依德鲁斯透露，两家公司已接获建议中的财务罚款及指示通知，并获给予 30 天期限提呈书面陈述，可在之后向委员会进行口头陈述。

“大马竞争委员会将在全面考虑企业的陈述及调查期间所取得的证据后，才会发布最终裁决。”

他补充，大马竞争委员会是隶属于国内贸易及生活成本部的独立机构，负责执行 2010 年竞争法令，并致力打击围标、价格操纵等反竞争行为，以维护公平市场环境。



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

UMUM



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Produk tiruan jejas pasaran songket Terengganu

Oleh **ERMA YUSNIDA JUSOH**
utusannews@mediamulia.com.my

KUALA TERENGGANU: Keaslian dan nilai warisan songket Terengganu semakin terancam susulan lambakan songket tiruan di pasaran termasuk produk import dari luar negara yang dijual pada harga jauh lebih murah.

Pengarah Kraftangan Malaysia Cawangan Terengganu, Azrul Hussein berkata, kebanyakan songket tiruan dibuat menggunakan mesin di kilang.

Katanya, ada juga songket dari luar negara seperti India yang dijual di pasaran tempatan namun tidak boleh dianggap sebagai songket asli Terengganu.

"Kita melihat lambakan songket tiruan di pasaran. Ada songket dari India yang dijual sekitar RM2,000, namun ia bukan song-

ket asli Terengganu.

"Songket tiruan pula boleh didapati pada harga antara RM50 hingga RM200, berbanding songket asli berharga RM500 ke atas bergantung kepada material dan corak," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini.

Azrul berkata, hanya individu yang mahir seni songket mampu membezakan songket asli dan tiruan sekali gus menyebabkan ramai pengguna mudah terpedaya.

Sehubungan itu, katanya, Kraftangan Malaysia sentiasa menganjurkan program kesedaran bagi memberi pendedahan mengenai keaslian songket tempatan.

"Sekiranya pengguna berasa ditipu, mereka boleh membuat aduan kepada Tribunal Pengguna Malaysia atau Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos

Sara Hidup (KPDN).

"Walaupun ada aduan daripada pengguna yang peka terhadap keaslian songket, tindakan yang dapat diambil setakat ini masih sangat minimum," jelasnya.

Katanya, sistem pelabelan keselamatan dan sijil keaslian diperkenal bagi melindungi produk warisan seperti songket asli.

"Melalui sistem pelabelan ini, pengguna lebih mudah mengenal pasti songket asli atau tiruan. Biasanya pengusaha songket jenama besar mempunyai label Kraftangan Malaysia," katanya.

Sementara itu, Adiguru Kraf (Tenunan), Wan Manang Wan Awang, 72, kecewa apabila songket tenunan tangan yang mengambil masa lama untuk disiapkan semakin ditenggelami produk mesin yang jauh lebih murah dan mudah dihasilkan.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

BERITA ONLINE

KPDN



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BERITA ONLINE BERTARIKH 15 JANUARI 2026

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
15-Jan	KPDN tingkat kawalan susulan serangan bom stesen minyak di Thailand	https://www.utusan.com.my/nasional/jenayah/2026/01/kpdn-tingkat-kawalan-susulan-serangan-bom-stesen-minyak-di-thailand/	UTUSAN
15-Jan	KPDN Kedah tingkat penguatkuasaan susulan kejadian bom stesen minyak di Thailand	https://www.buletintv3.my/nasional/kpdn-kedah-tingkat-penguatkuasaan-susulan-kejadian-bom-stesen-minyak-di-thailand/	TV3
15-Jan	Letupan di Selatan Thailand: KPDN tingkat pemantauan stesen minyak di sempadan	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/letupan-di-selatan-thailand-kpdn-tingkat-pemantauan-stesen-minyak-di-sempadan-555371	ASTRO AWANI
15-Jan	KPDN Kedah tingkat penguatkuasaan susulan kejadian bom stesen minyak di Thailand	https://www.bharian.com.my/berita-nasional/2026/01/1496430/kpdn-kedah-tingkat-penguatkuasaan-susulan-kejadian-bom-stesen-minyak	BERITA HARIAN
15-Jan	KPDN Kedah tingkat kawalan sempadan Malaysia-Thailand	https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2026/01/1310628/kpdn-kedah-tingkat-kawalan-sempadan-malaysia-thailand	HARIAN METRO
15-Jan	KPDN tingkat pemantauan stesen minyak di sempadan	https://malaysiagazette.com/2026/01/14/kpdn-tingkat-pemantauan-stesen-minyak-di-sempadan/	MALAYSIA GAZETTE
15-Jan	Empat lelaki ditahan, rampasan diesel bernilai lebih RM1 juta	https://www.utusan.com.my/nasional/2026/01/empat-lelaki-ditahan-rampasan-diesel-bernilai-lebih-rm1-juta/	UTUSAN
15-Jan	100,013 liter diesel gagal masuk Thailand	https://www.kosmo.com.my/2026/01/14/100013-liter-diesel-gagal-masuk-thailand/	KOSMO

15-Jan	KPDN Labuan berjaya selesai semua aduan pengguna sepanjang tahun lalu	https://sabahmedia.com/2026/01/14/kpdn-labuan-berjaya-selesai-semua-aduan-pengguna-sepanjang-tahun-lalu/	SABAH MEDIA
15-Jan	KPDN Labuan sita 1,400 liter minyak Diesel dari sebuah syarikat perindustrian	https://www.borneodailybulletin.com/kpdn-labuan-sita-1400-liter-minyak-diesel-dari-sebuah-syarikat-perindustrian/	BORNEO DAILY
15-Jan	11,272 Semporna premises checked for cheats: KPDN	https://www.dailyexpress.com.my/news/273914/11-272-semporna-premises-	DAILY EXPRESS
15-Jan	Isi RON95 guna nombor palsu, pemandu kereta Singapura didenda RM9,000	https://www.tvsarawak.my/2026/01/14/isi-ron95-guna-nombor-palsu-pemandu-kereta-singapura-didenda-rm9000/	TVSARAWAK
15-Jan	Kelantan KPDN foils smuggling of subsidised goods near Thai border	https://thesun.my/news/malaysia-news/kelantan-kpdn-foils-smuggling-of-subsidised-goods-near-thai-border/	THE SUN
15-Jan	KPDN Pulau Pinang bongkar tiga sindiket seleweng minyak masak subsidi	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kpdn-pulau-pinang-bongkar-tiga-sindiket-seleweng-minyak-masak-subsidi-555451	ASTRO AWANI
15-Jan	PENANG KPDN BUSTS THREE SYNDICATES MISAPPROPRIATING SUBSIDISED COOKING OIL	https://www.bernama.com/tv/news.php?id=2512484	BERNAMA
15-Jan	Untung atas angin RM1.50 sekilogram	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2026/01/1310877/untung-atas-angin-rm150-sekilogram#google_vignette	HARIAN METRO

15-Jan	Jual minyak paket subsidi RM4 sekilogram, untung RM1.50	https:// www.kosmo.com.my/2026/01/14/jual-minyak-pekete-subsidi-rm4-sekilogram-untung-rm1-50/	KOSMO
15-Jan	Stor seleweng minyak masak paket diserbu KPDN	https:// www.bharian.com.my/ berita/ kes/2026/01/1496770/stor-seleweng-minyak-masak-paket-diserbu-kpdn	BERITA HARIAN
15-Jan	KPDN Pulau Pinang bongkar tiga sindiket seleweng minyak masak subsidi	https://www.bernama.com/ bm/jenayah_mahkamah/ news.php?id=2512431	BERNAMA
15-Jan	Pulau Pinang: Tiga kegiatan seleweng minyak masak bersubsidi tumpas	https:// www.utusan.com.my/ nasional/2026/01/pulau-pinang-tiga-kegiatan-seleweng-minyak-masak-bersubsidi-tumpas/	UTUSAN
15-Jan	Repeated cooking oil abuse can siphon up to 24 tonnes a month in Penang	https://www.nst.com.my/ news/ regional/2026/01/1356679/ repeated-cooking-oil-abuse-can-siphon-24-tonnes-month-penang	NST
15-Jan	Penang KPDN busts three syndicates involved in subsidized cooking oil fraud	https://asianewstoday.com/ penang-kpdn-busts-three-syndicates-involved-in-subsidized-cooking-oil-fraud/	ASIA NEWS
15-Jan	MyCC siasat 560 syarikat kartel tipuan bida, nilai tender hampir RM2.7 bilion	https://berita.rtm.gov.my/ senarai-berita-jenayah/ senarai-artikel/mycc-siasat-560-syarikat-kartel-tipuan-bida-nilai-tender-hampir-rm2-7-bilion/	RTM
15-Jan	Dua Syarikat Berdepan Tindakan Atas Kes Kartel Tender Lebuhraya - Mycc	https://www.bernama.com/ bm/am/news.php? id=2512363	BERNAMA
15-Jan	MyCC cadang tindakan terhadap dua syarikat kes kartel tender lebuhraya	https://thesun.my/berita/ tempatan/mycc-syarikat-kartel-tender-lebuhraya/	THE SUN

15-Jan	Kartel tipu bida tender lebuh raya RM285 juta, 2 syarikat berdepan penalti	https:// www.kosmo.com.my/2026/01/14/kartel-tipu-bida-tender-lebuh-raya-rm285-juta-2-syarikat-	KOSMO
15-Jan	Dua perusahaan dikesan terbabit kartel tipu bida projek Lebuh raya CSR - MyCC	https:// www.sinarharian.com.my/ article/763998/berita/semasa/ dua-perusahaan-dikesan-terbabit -kartel-tipu-bida-projek- lebuh-raya-csr---mycc	SINAR HARIAN
15-Jan	MyCC: Two enterprises face possible penalties over alleged highway tender bid rigging cartel	https:// themalaysianre- serve.com/2026/01/14/ mycc-two-enterprises-face- possible-penalties-over- alleged-highway-tender-bid- rigging-cartel/	THE MALAYSIAN RESERVE
15-Jan	2.85亿大道工程招标 2公司被指串通竞标	https://www.8tvnews.my/ localnews/2- 85yidadaogongcheng- zhaobiao- 2gongsibeizhichuan- tongjingbiao/	8TV
15-Jan	Pemandu kereta Singapura isi RON95: KPDN lengkapkan kertas siasatan	https:// malaysiaga- zette.com/2026/01/14/ pemandu-kereta-singapura- isi-ron95-kpdn-lengkapkan-	MALAYSIA GAZETTE
15-Jan	Subsidised cooking oil suspected of being diverted for foreign market	https:// www.asiatimes.com.my/2026/01/14/subsidised-cooking- oil-suspected-of-being- diverted-for-foreign-market/	ASIA TIMES
15-Jan	KPDN kesan pengusaha ingkar larangan jualan bahan api subsidi	https://careta.my/article/ kpdn-kesan-pengusaha- ingkar-larangan-jualan- bahan-api-subsidi	CARETA
15-Jan	Letupan di Selatan Thailand: KPDN tingkat pemantauan stesen minyak di sempadan	https:// www.astroawani.com/berita -malaysia/letupan-di- selatan-thailand-kpdn- tingkat-pemantauan-stesen- minyak-di-sempadan-	ASTRO AWANI